Qalam

Bilangan 94 Syawal 1377 Mei 1958 70 sen
Bilangan.94 Shawal, 1377, May 1958. 70 sen

Selamat Hari Raya

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar *wali'Llāh al-ḥamd*!

Di dalam gema takbir yang mengharungi alam angkasa dunia Islam hari ini, Qalam dengan kaki tangan dan anggota-anggotanya, mengucapkan selamat Hari Raya Aidilfitri kepada sekalian pembaca-pembaca di serata tempat dengan ucapan *min al-'ā'idīn al-fā'izīn al-maqbūlīn*! Kita berharap semua saudara-saudara kita umat Islam telah dapat menunaikan kewajipannya kepada Tuhannya yang Menjadikan alam semesta, yang Berkuasa dan yang Sangat Berkelimpahan.

Allahuakbar! Allahuakbar! Allahuakbar!

Marilah kita bermaaf-maafan di antara satu dengan lain - memaafkan kesalahan saudara-saudara kita yang telah lalu kemudian kita berikrar sesama kita untuk membaharui tekad dalam menghadapi tahun hadapan semoga hendaknya kita menjadi orang yang bertakwa kepada Allah, orang yang berbakti kepada Allah, orang yang bersedia mengerjakan suruhan-Nya dan menjauhi larangan-Nya serta memberikan tenaga, hartanya, dan jika mustahak nyawanya kepada jalan Allah, dan menegakkan seruan Tuhan, Tuhan bagi alam semesta yang Maha Berkuasa di atas segala-galanya.

Allahuakbar! Allahuakbar! Allahuakbar!

Marilah kita merenung sejenak ke zaman yang lampau, ke zaman Islam mulai bertapak untuk menginsafkan kita bagaimana shuhada Islam telah berjuang menegakkan kalimah Tuhan! Lihat nun di padang Ūḥūd di padang pasir yang tandus yang bersandar kepada Jabal ŪḤŪd, bagaimana Muḥammad *ṣallā Allahu 'alayhi wa sallam* berjihad, berperang dengan darahnya untuk menegakkan ajaran Allah, Islam, yang mesti diperjuangkan dengan darah, apabila tiba saatnya, dikepung oleh musuh-musuhnya untuk menghancurkannya supaya dengan kehancurannya Islam lumpuh tetapi Allah Maha Besar dan Maha Pemurah menolong perjuangan Muḥammad kerana dalam masa umat Islam bertempiaran lari masih ada sepuluh orang yang menjual nyawanya untuk Allah, untuk kekasihnya Muḥammad pesuruh Allah – menjadi dinding, menjadi perisai daripada serangan-serangan musuh yang hebat itu sehingga beliau sendiri luka di medan perang – dan pendinding-pendinding mereka dengan menyeru takbir, takbir yang sama bunyinya kita ucapkan sekarang, bertahan sehingga serangan musuh gagal!

Allahuakbar! Allahuakbar! Allahuakbar!

Takbir yang sakti inilah yang menjadikan mereka itu menuntut kematian, menjual nyawanya, memberikan harta, berbuat kebajikan kepada jalan Allah! Dengan gema takbir inilah mereka beramai-ramai berjuang, untuk membela agama Allah – tidak mereka cari kesenangan dan kebahagiaan diri untuk dunia pada masa ini tetapi mereka berjuang dengan suatu harapan: Tidak pulang-pulang lagi – mereka mengharap mati – mati tidak di tempat tidur tetapi mati di medan perang, perang berjihad pada jalan Allah! Mereka pergi ke medan perang penuh dengan jiwa tauhid, jiwa takbir, bukannya untuk dirinya tetapi untuk mencari kesenangan akhirat yang kekal abadi, kekal untuk selama-lamanya menerima nikmat Tuhan yang dijanjikan kepadanya!

Allahuakbar! Allahuakbar! Allahuakbar!

Marilah kita bertanya kepada diri kita masing-masing dalam masa kita mengucapkan takbir dan tahmid semenjak

dari malam hari raya ini: Sudahkah jiwa takbir itu mesra dalam dada kita?

Sudahkah kita yakin bahawa Allah itu Maha Pemurah lagi sangat Mengasihani? *Al-Raḥman al-Raḥīm*.

Sudahkah ada perasaan takut kita kepada-Nya kerana ia Raja daripada sekalian raja yang akan memberi pembalasan dengan seadil-adilnya, menghukum dengan hukuman yang dijanjikan-Nya – *māliki yawm al-dīn*?

Sudahkah tersemat di dalam dada kita bahawa kita hanya menyembah kepada-Nya – kita tidak akan duduk menyembah kepada selain daripada-Nya, dan kita tidak akan melemahkan diri kita, menundukkan kepala, melemahkan gigi daripada lidah kita kerana berharap balas kasihan orang lalu menjual *sharaf* kita, kehormatan kita, kemuliaan diri kita, menadah tangan dan sentiasa berharap kepada belas kasihan manusia – *iyyāka na'budu wa iyyāka nasta'īn*?

Allahuakbar! Allahuakbar! Allahuakbar!

Demi Tuhan yang menjadikan sekalian alam dan isi-isinya, jika kita mengaku umat Islam, umat yang mengerti isi dan kandungan takbir, Allahuakbar, necaya tidaklah kita akan berdiam diri daripada apa yang kita sebutkan di atas. Kita mengetahui bahawa Allah Maha Pemurah dan dengan Kemurahan-Nya dan Kelimpahan-Nya kita terus berjuang, berjuang bukan untuk kita tetapi untuk mencari keredhaan-Nya, untuk mencari keampunan-Nya – dan kerana itulah menjadi kewajipan bagi kita berusaha untuk menegakkan kalimah Tuhan, untuk menegakkan kalimah Allah, Allahuakbar!

Kalau kamu seorang Muslim, kalau kamu seorang Islam, belumlah akuan kamu diterima Tuhan sebelum kamu berusaha supaya hukum-hukum Allah berlaku untuk berjalan di negara kamu! Sembahyang kamu tidak berharga, ibadat kamu akan jadi sesia jika kamu membiarkan segala hukum-hukum Allah tidak berjalan dan tidak dijalankan. Maka menjadi kewajipan bagi kamu wahai umat Muslimin! Bekerja untuk menegakkan kalimah Tuhan! Ini adalah kewajipan kamu!

Allahuakbar! Allahuakbar! Allahuakbar!

Tidakkah kamu melihat, nun di sana, di angkasa yang tinggi roh syuhada yang telah mengorbankan nyawa kepada jalan Allah, di dalam gema takbir dan tahmid yang kita ucapkan pada hari raya ini, mentertawakan kita hanya mengucapkan sahaja di mulut akan takbir, Allahuakbar, tetapi hati kita tidak menyertainya, jiwa jauh daripadanya seolah-olah tidak yakin bahawa Tuhan Maha Besar, Maha Agung, Maha Perkasa!!

Apakah ertinya takbir yang bergema-gema itu jika kita sesudah mengucapkannya, mencela dan mencebik kemuliaan agama kita! Yang bererti kemuliaan Allah! Apakah ertinya kita mengucapkan takbir, Allahuakbar, kalau kita sendiri tidak percaya kepada hukum-hukum-Nya, tidak yakin bahawa hukum-hukum yang dibawa oleh Muḥammad *ṣallā Allah 'alayhi wa sallam* itu hukum-hukum daripada-Nya, daripada Allahuakbar, yang boleh dijalankan untuk setiap masa dan setiap saat?

Allahuakbar! Allahuakbar! Allahuakbar!

Sebagai umat yang telah berkeadaan lemah, sekalipun kita banyak, maka kita hanya berharap Allah menimbulkan di hadapan kita, terutama dalam masa sekarang, Islam dipertopeng dan dipermainkan orang, semoga timbullah di hadapan kita seorang pemimpin mujahid yang bersedia berjihad pada jalan Allah, mempunyai hati yang kukuh dan yakin, untuk membela kemuliaan-Nya. Marilah, saudara-saudara umat Islam, dalam masa bertakbir kita mengucapkan doa itu supaya dapat kita hidup berjuang bersama-sama, supaya tertanam di dalam hati kita jiwa takbir –